

16/08/2004

Koperal Amran akan jalani ujian x-ray

KUALA LUMPUR: Koperal Amran Abdul Aziz, yang cedera di dagu selepas terkena tembakan ketika berbalas tembak dengan perompak di pusat belibelah Endah Parade, Sri Petaling, di sini Jumaat lalu akan menjalani ujian x-ray hari ini untuk menentukan sama ada perlu dibedah kali kedua.

Sekiranya keputusan imbasan itu menunjukkan proses pemulihan tisu dalam mulutnya terbantut akibat terkena serpihan, pembedahan mulut dan maksilofasial kali kedua perlu dijalankan.

Hasil pemeriksaan doktor mendapati, tulang lelangit mangsa patah terkena tembakan menyebabkan tisu keras dan lembutnya turut terkoyak, manakala dua batang gigi geraham atasnya juga patah.

Seorang daripada tiga pakar bedah Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) yang merawat mangsa, Dr Roszalina Ramli, berkata pemeriksaan terkini menunjukkan kesan serpihan itu tidak berada di tahap bahaya, tetapi pihaknya perlu memastikan proses pemulihan tisu yang rosak akibat tembakan pistol itu pulih.

"Kami sudah pun mengeluarkan peluru di dalam mulut Amran, tetapi kesan serpihannya masih ada. Jika perlu kami akan melakukan pembedahan kedua. Kita kena tunggu esok (hari ini). Jika perlu mungkin pembedahan akan dijalankan dalam tempoh satu atau dua minggu ini.

"Kecederaan di lelangit itu mungkin mengambil masa tiga bulan untuk sembuh dan dia mungkin pulih sepenuhnya dalam tempoh empat bulan," katanya ketika ditemui di HUKM, semalam.

Sebelum itu, beliau bersama Pengarah HUKM, Prof Dr Mohamad Abdul Razak, mengiringi bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, melawat Amran, 36, di kompleks rawatan pakar HUKM, semalam.

(END)